



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PENGGUNAAN TEORI PSIKOLOGI INDIVIDU SEBAGAI PANDUAN
MEMAHAMI TINGKAH LAKU PENAGIH DADAH**

OOI BOON KEAT

FPP 2003 1

**PENGGUNAAN TEORI PSIKOLOGI INDIVIDU SEBAGAI PANDUAN
MEMAHAMI TINGKAH LAKU PENAGIH DADAH**

Oleh

OOI BOON KEAT

**Tesis ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Master Sains**

Februari 2003



DEDIKASI

Hasil usaha ini ditujukan kepada keluarga saya.....

Terutamanya ibu bapa yang berjasa

dan

Isteri yang disayangi.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai
memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**PENGGUNAAN TEORI PSIKOLOGI INDIVIDU SEBAGAI PANDUAN
MEMAHAMI TINGKAH LAKU PENAGIH DADAH**

Oleh

OOI BOON KEAT

Februari 2003

Pengerusi: **Lily Mastura bt. Hj. Harun, Ph.D.**

Fakulti: **Pengajian Pendidikan**

Bukan senang untuk memahami psikologi manusia. Suatu teori yang signifikan dan menyeluruh perlu digunakan sebagai panduan untuk mendalami psikologi individu. Kajian ini mempercayai bahawa teori Psikologi Individu boleh memberikan penjelasan dalam memahami tingkah laku individu. Kajian ini menfokus kepada penggunaan teori Psikologi Individu terhadap pemahaman gaya hidup dan minat sosial di kalangan penagih dadah. Lantaran itu, teori Psikologi Individu juga akan menerangkan secara etiologi tentang tingkah laku penagihan dadah individu. Kaedah yang digunakan ialah penyelidikan kualitatif. Maka, kajian yang dijalankan ini merupakan kajian kes yang mendalam dan menyeluruh tentang interaksi psikologikal terhadap tingkah laku individu. Kajian ini berbentuk fenomenologikal berdasarkan pengalaman dan espresi perasaan individu dalam tingkah laku penagihan dadah. Penganalisisan data secara analisis kandungan dijalankan untuk penghuraian konsep Psikologi Individu. Dapatkan kajian menunjukkan penerangan melalui analisis gaya hidup dan minat sosial individu dalam tingkah laku menagih

dadah berdasarkan teori Psikologi Individu. Kajian ini telah menerapkan teori Psikologi Individu ke dalam komuniti penagihan dadah yang terdiri daripada individu yang unik dan berbeza walaupun mempraktikkan tingkah laku yang sama iaitu penagihan dadah. Dalam konteks pemulihan tingkah laku penagihan dadah pula, ciri pendekatan teori Psikologi Individu yang boleh menjelaskan secara keseluruhan tentang gaya hidup dan minat sosial adalah memang selari dengan keperluan dalam perkhidmatan kaunseling dan psikoterapi. Ini juga sebagai satu langkah usaha yang dapat menyumbangkan pengetahuan tentang tingkah laku penagihan dadah serta berkecenderungan ke arah penagihan semula selepas menjalani program pemulihan. Akhir kata, implikasi kajian ini akan menyumbang kepada profesi perkhidmatan kaunseling dan psikoterapi dalam program pencegahan dan pemulihan bagi aktiviti penagihan dadah di konteks Malaysia.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment
of the requirements for the degree of Master of Science

**USING THEORY OF INDIVIDUAL PSYCHOLOGY INTO
UNDERSTANDING OF DRUG ADDICT BEHAVIOUR**

By

OOI BOON KEAT

February 2003

Chairman: **Lily Mastura bt. Hj. Harun, Ph.D.**

Faculty: **Educational Studies**

Human psychology is notoriously difficult to understand. There must be a theory that significantly explores in-depth of individual psychology. This study believes that individual behaviour could be explained by using the theory of Individual Psychology. The study focuses on infusing theory of Individual Psychology into understanding of life style and social interest among drug addicts. Hence, the theory will reveal the etiology of the individual's drug addictive behaviour. The case study deeply investigates the psychological and behavioural interaction of individual. This study is also a phenomenological study of individual experiences and emotional expression towards addictive behaviour. Content analysis as data analysis techniques are used for expanding the concepts of Individual Psychology. Research finding showed systematic explanation through analysis of life style and social interest of drug addicts based on the theory of Individual Psychology. This study provided a framework that shows ways the Individual Psychology could be infused into community of drug addict that involved unique individual with similar

behaviour. The Individual Psychology characterizes the life style and social interest that parallel to the need of counselling and psychotherapy services. It is a stride to contribute the knowledge of addictive behaviour for rehabilitation programme. Finally, implication for counselling and psychotherapy practice on prevention and rehabilitation are presented in the contexts of Malaysia.



PENGHARGAAN

Di sini ingin saya mengambil kesempatan untuk mendaraskan penghargaan dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka yang telah memberi dorongan dan bimbingan sepanjang tempoh penyelidikan dijalankan. Khasnya kepada Jawatankuasa Penyeliaan Tesis saya iaitu Dr. Lily Mastura, Tn. Hj. Ali Hj. Yacob dan Dr. Halimatun Halaliah yang sentiasa sabar untuk memberi tunjuk ajar, sokongan dan nasihat bagi menyempurnakan kajian ini.

Penghargaan dan terima kasih juga dirakamkan kepada :

- Pihak Agensi Dadah Kebangsaan Persekutuan, Kementerian Dalam Negeri Malaysia dan Pusat Serenti Sungai Besi yang memberi kebenaran untuk menjalankan kajian.
- Dua responden yang terlibat dengan sudi memberi kerjasama terhadap proses pengumpulan data serta perkongsian yang ikhlas.
- Sahabat-sahabat seperjuangan yang sentiasa bersedia menghulurkan tangan untuk membantu.

OOI BOON KEAT

Master Sains (Bimbingan dan Kaunseling)

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universit Putra Malaysia

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK KAJIAN	i
DEDIKASI	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
PENGESAHAN	viii
PENGAKUAN	x
JADUAL KANDUNGAN	xi
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi

BAB

I	PENGENALAN	1
	Pendekatan Teori	6
	Andaian Teori Psikologi Individu Adler	6
	Konsep Asas Teori Psikologi Individu	6
	Pernyataan Masalah	7
	Objektif Kajian	8
	Persoalan Kajian	9
	Kepentingan Kajian	10
	Limitasi Dan Skop Kajian	11
	Difinisi Operasional Kajian	12
	Teori Psikologi Individu	12
	Tingkah Laku Penagih Dadah	12
	Penagih Dadah	13
II	SOROTAN LITERATUR	14
	Pengenalan	14
	Kerangka Teoritikal Kajian	14
	Konsep Asas Teori Psikologi Individu	17
	Matlamat Berbentuk Fiksyen	17
	Usaha Ke Arah Superioriti	19
	Perasaan Inferioriti	21
	Minat Sosial	23
	Gaya Hidup	25
	Kendiri Kreatif	27
	Konstelasi Keluarga	29
	Konstruk Patologi	34
	Kerangka Konseptual Kajian	39

	Kajian Tentang Teori Psikologi Individu	45
	Kajian Tentang Tingkah Laku Penagihan Dadah	53
	Kesimpulan Kajian Literatur	60
III	METODOLOGI KAJIAN	
	Pengenalan	62
	Rekabentuk Kajian	62
	Tempat Kajian	64
	Subjek Kajian	65
	Alat Kajian	67
	Bahagian A: Soal Selidik Maklumat Diri	68
	Bahagian B: Soal Selidik Gaya Hidup Dan Minat Sosial	68
	Kajian Rintis	71
	Tatacara Kajian	72
	Penganalisisan Data	75
	Analisis Gaya Hidup	76
	Analisis Minat Sosial	78
	Kesahan dan Kebolchpercayaan	81
IV	KEPUTUSAN KAJIAN	
	Pengenalan	83
	Gaya Hidup	83
	Konstelasi Keluarga	83
	Mimpi	86
	Ingatan Awal	87
	Kesilapan Asas	89
	Minat Sosial	96
	Pekerjaan	97
	Masyarakat	97
	Seksual	98
	Kendiri	100
	Spiritualiti	100
	Kekeluargaan Dan Keibubapaan	101
V	PERBINCANGAN DAN CADANGAN	103
	Pengenalan	103
	Implikasi Terhadap Kaunseling	103
	Cadangan	105
	Kesimpulan	107
	BIBLIOGRAFI	109
	LAMPIRAN	
A.	Kes 1 dan Kcs 2	114
B.	Soal Selidik – Panduan Temubual Psikologi Individu	139

C. Surat Permohonan Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM kepada Pusat Serenti Sungai Besi, PERSADA	147
D. Surat Kebenaran Agensi Dadah Kebangsaan, Kementerian Dalam Negeri Bagi Pusat Serenti Sungai Besi, Kuala Lumpur.	149
 BIODATA PERIBADI	151



SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
4.1	Kesilapan Asas Dalam Kes Azri	90
4.2	Kesilapan Asas Dalam Kes Ben	91

SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
1.1 Kerangka Teoritikal Kajian (Ubahsuai hasil kerja Kurt A. Adler dalam <i>The Individual Psychology of Alfred Adler</i> , m/s 158, Ansbacher dan Ansbacher, 1956)	38
1.2 Kerangka Konseptual Kajian	44

SENARAI SINGKATAN

A.A.	-	<i>Alcoholic Anonymous</i>
ADK	-	Agensi Dadah Kebangsaan
CAQ	-	<i>California Adult Q-sort</i>
CRPBI-30	-	<i>Children Report of Parent Behaviour Inventory-30</i>
DAS	-	<i>The Dysfunctional Attitude Scale</i>
FACES-III	-	<i>Family Adaptability and Cohesion Education Scale-III</i>
FES	-	<i>Family Environment Scale</i>
FSS	-	<i>Family Satisfaction Scale</i>
KDM	-	Kementerian Dalam Negeri
LIPP	-	<i>The Langenfeld Inventory of Personality Priorities</i>
MANOVA	-	Analisis Varians Multivariat Satu Hala
NA	-	<i>Narcotics Anonymous</i>
NADI	-	Maklumat Dadah Kebangsaan
NGO	-	Organisasi Bukan Kerajaan
NHSDA	-	Tinjauan Rumahtangga Kebangsaan Amerika Syarikat
PAC	-	<i>Parent-Adolescent Communication Scale</i>
PERSADA	-	Pemulihan Rakan Sekelompok Amalan Daya Abadi
SII	-	<i>Social Interest Inventory</i>
SIS	-	<i>The Scale for Social Interest</i>
TC	-	<i>Therapeutic Community</i>

BAB I

PENGENALAN

Pandangan aliran realisme dari sudut ahli falsafah, Bertrand Russell (1872–1970) memberikan penjelasan tentang segala ‘tanggapan’ atau ‘idea’ yang dipersepsikan adalah berasal daripada kesedaran dalaman individu yang subjektif terhadap kewujudan dunia luaran yang objektif (Baum, 1994). Sekiranya kita bersetuju dengan pernyataan yang tersebut, maka bolehlah dikatakan bahawa setiap individu mempunyai cara untuk mempersepsikan dunia fizikal ini dengan tersendiri. Kalau difokuskan kepada kebendaan atau fenomena yang tertentu, makna bagi benda atau peristiwa itu akan berlainan dengan andaian yang tersendiri berdasarkan persepsi pengalaman dalaman seseorang. Walau bagaimanapun, dadah adalah benda dan rasa fizikal yang merbahaya dalam mana-mana konteks pun apabila disalahgunakan. Cuma apa yang ghairah terlintas dalam pemikiran adalah mengapa masih terdapat manusia yang ingin menyalahgunakan dadah sehingga berada pada tahap ketagihan yang kuat. Bagaimanakah dadah itu dipersepsikan oleh seseorang individu sebelum penagihan di mana kesannya diketahui dan menyalahguna dia?

Penagihan dadah adalah satu masalah sosial paling rumit yang sedang dihadapi oleh negara Malaysia. Dzulkifli Abdul Razak (1995) menerangkan bahawa penagihan dadah pada umumnya merangkumi penagihan heroin, morfin, ganja dan sebatian terbitan ubat-ubatan yang akan membawa risiko yang amat tinggi sehingga boleh mengakibatkan maut. Seseorang yang menggunakan dan bergantung secara fizikal dan psikologikal kepada sejenis bahan yang mendatangkan kemudaratian dari

segi jasmani, rohani serta tingkah laku Sungguhpun manusia mengetahui kesan dadah memudaratkan individu dalam menjalankan kehidupan sehari-hari, namun ramai yang terjerumus dalam aktiviti penagihan dadah. Merujuk Labouvie (1996), kesan daripada tekanan sesuatu situasi akan menyebabkan peningkatan dalam kemungkinan seseorang terhadap penggunaan dadah dan alkohol

Berdasarkan statistik penagih dadah di Malaysia dari bulan Januari sehingga Oktober tahun 2002, jumlah penagih yang dapat dikesan adalah seramai 25,637 orang (Agenzia Dadah Kebangsaan, 2002). Daripada bilangan berkenaan secara puratanya seramai 2563 orang penagih dapat dikesan dalam setiap bulan. Bilangan penagih baru mencakupi 13,468 orang dan penagih berulang ialah 12,169 orang. Ini memperlihatkan bahawa terdapat peratusan yang agak seimbang bagi kedua-dua kategori tersebut iaitu masing-masing dengan 52.5% dan 47.5%. Pada tahun 2002, Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (NADI) juga dapat menunjukkan bahawa 31.3% daripada penagih yang terjerumus dalam aktiviti penagihan dadah adalah disebabkan oleh faktor pengaruh rakan sebaya. Manakala, faktor-faktor mencari keseronokan, perasaan ingin tahu, rawatan kesihatan, dan lain-lain sebab adalah masing-masing merangkumi 13.0%, 15.9%, 4.1% dan 35.7%. Merujuk kepada statistik tersebut, jelas diperhatikan bahawa pengaruh rakan-adalah punca utama penglibatan seseorang individu dalam kegiatan penagihan dadah. Brooks (1994) menjelaskan bahawa autoriti ibu bapa terhadap anak pada peringkat remaja lebih diberi penekanan berbanding dengan zaman kanak-kanak. Kemoralan dan kuasa keperibadian seperti pemilihan rakan sebaya semasa kanak-kanak kurang diberi perhatian. Ini dapat menunjukkan satu perhubungan signifikan antara perapatan ibu bapa dan rakan-rakan terhadap seseorang individu. Pada masa yang sama, perapatan individu dengan ibu bapa dan

rakan-rakan pula akan mempengaruhi tingkah laku individu yang negatif seperti penagihan dadah. Setiap faktor penagihan dadah mempunyai kesan yang tertentu bagi seseorang individu. Setiap punca tingkah laku penagihan dadah tetap mempunyai sebab tertentu bagi individu yang unik.

Pada masa yang sama, Franklin (1988) mendapati bahawa individu yang mempunyai harga diri rendah dan perkembangan yang tidak dipelihara dengan baik dalam persekitarannya mudah mengalami tekanan budaya dadah di kalangan rakan-rakan. Block dan Robins (1993) merumuskan yang harga diri yang rendah merupakan punca kepada penagihan dadah. Ini jelas memperlihatkan bahawa terdapatnya hubung kait antara harga diri seseorang dengan tingkah laku penagihan dadah. Daripada penjelasan di atas dapat dikaitkan perapatan ibu bapa dan rakan-rakan terhadap pemhentuan harga diri yang rendah diandaikan akan menyebabkan penagihan dadah bagi seseorang individu. Justeru itu, perapatan individu terhadap subjek atau individu yang signifikan telah dijadikan fokus dalam penyelidikannya.

Oleh hal demikian, suatu panduan yang baik dan menyeluruh perlu digunakan untuk mencari jawapan kepada persoalan ini bagi menerangkan dengan lebih teliti dan mendalam. Konstruk psikologi yang terdapat pada seseorang individu menjadi satu masalah di mana tidak terdapat sebuah teori yang terbaik dan serba guna dapat diaplikasikan terhadap manusia. Namun kajian ini akan menggunakan teori Individu Psikologi yang mempunyai kelebihannya yang tersendiri bagi menerangkan tingkah laku penagihan dadah.

Psikologis yang berada dalam mazhab klasik psikologi berpendapat bahawa setiap manusia dilahir secara semula jadi terdapat suatu tenaga bagi menggerakkannya. Pergerakan itu adalah dengan tujuan memenuhi kekurangan yang ada pada diri individu itu sendiri sama ada dalam bentuk fisiologikal dan psikologikal yang saling berkait. Salah seorang ahli psikologi yang juga boleh dikategorikan sebagai klasik psikologis iaitu Alfred Adler telah memperkenalkan teori Psikologi Individu yang merupakan satu teori secara subjektifnya menerangkan tingkah laku manusia. Psikologi Individu memandang individu sebagai satu entiti yang subjektif dilihat secara holistik. Ini bermakna segala tingkah laku manusia dapat difahami dengan memerihalkan fenomena yang subjektif dalam diri seseorang. Dengan itu, individu yang menjurus ke suatu aktiviti atau tingkah laku disebabkan oleh tarikan di mana tanpa kesedarannya. Keadaan ini wujud secara semula jadi dan ia berlaku mengikut kehidupan semula jadi (*law of nature*). Psikologi Individu amat memberi penekanan terhadap kesedaran yang berperanan penting dalam ‘pusat kendiri’ individu iaitu individu dikatakan sedar terhadap matlamatnya yang telah dicipta dalam aktiviti mentalnya. Namun ketidaksedaran itu telah disemai dalam diri individu dan bertindak sebagai pemangkin terhadap matlamat suatu tingkah laku atau fenomena. Adalah mungkin lebih jelas sekiranya merujuk kepada saranan Ansbacher dan Ansbacher (1956) seperti berikut:

The Individual Psychology of Adler is first of all a depth psychology. By this meant that part of dynamic psychology which goes beneath and beyond surface phenomena, taking unconscious motivation fully into account. For Adler, however, the unconscious was not a separate category, but, as stated

above, merely that part of the subject's striving which he does not understand. (m/s 4)

Teori Psikologi Individu adalah berprinsipkan bahawa tiada manusia yang perlu disifatkan sebagai mengalami “sakit mental”. Tiada tingkah laku yang tidak rasional sekiranya kita memahami makna dari pandangan individu yang dalam situasi istimewa tertentu bagi individu berkenaan (Dinkmeyer dan Dinkmeyer, 1982). Dalam pandangan Adler, setiap tingkah laku sama ada positif atau negatif mempunyai makna yang tersendiri. Dengan itu, tingkah laku tersebut adalah terselit dalam penghayatan perasaan inferioriti yang di perkembangan sejak lahir lagi. Manusia itu secara tidak sedarnya akan membawa perasaan inferioriti tersebut bersama-sama dengan perkembangan hidupnya. Manakala, secara sedarnya manusia akan bertindak ke sesuatu arah atau matlamat yang akan mengatasi perasaan inferioriti itu. Adler (1931) mengatakan bahawa individu dalam percubaan mengatasi tekanan daripada perasaan inferioriti akan memperkembangkan corak tingkah laku yang tidak sesuai bagi memampas perasaan tersebut.

Justeru itu, individu yang telah mengetahui kesan dan akibat daripada terjerumus ke tingkah laku penagihan tetap mempunyai sebab yang tertentu. Ini bukan hanya sekadar faktor-faktor luaran seperti pengaruh rakan-rakan, perasaan ingin tahu dan sebagainya di mana hasil dapatan daripada kebanyakan kajian. Adalah tidak mantap sekiranya menyatakan sebab-sebab penagihan dadah secara nyata tanpa melihat individu tersebut dengan menyeluruh dari sudut psikologi yang subjektif. Psikologi Individu berupaya mengkaji dan mendiagnos dalaman manusia

secara subjektif dan menyeluruh supaya menjelaskan kebuntuan yang telah kita hadapi daripada persoalan tersebut.

Pendekatan Teori

Andaian Teori Psikologi Individu Adler

- Semua manusia dilahirkan sebagai makhluk sosial.
- Kesan desakan sosial menjadikan bertindak manusia lebih bermotivasi.
- Manusia dari segi psikologi dipengaruhi oleh desakan dan tarikan berbentuk subjektif dalam diri.
- Gerakan atau tingkah laku manusia menjurus kepada matlamat yang tersendiri sama ada secara positif ataupun negatif.
- Matlamat berbentuk fiksyen sahaja yang memberi impak kepada semua aktiviti manusia.
- Manusia sedar tentang tingkah laku mereka yang dikatakan sebagai kesedaran kendiri.
- Manusia kreatif dalam segala usaha ke atas tingkah laku di mana secara tidak sedar mempengaruhi pergerakannya.

Konsep Asas Teori Psikologi Individu

1. Matlamat berbentuk fiksyen (*Fictional Finalism*).
2. Usaha ke arah superioriti (*Striving for Superiority*).

3. Perasaan inferioriti (*Inferiority Feelings*).
4. Minat sosial (*Social Interest*).
5. Gaya hidup (*Style of life*).
6. Kendiri kreatif (*Creative Self*).
7. Konstelasi keluarga (*Family Constellations*).

Pernyataan Masalah

Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (NADI), Agensi Dadah Kebangsaan tahun 2002 telah melaporkan anggaran penagih yang menerima rawatan atau pemulihan di 56 pusat pemulihan termasuk swasta yang berdaftar dengan Agensi Dadah Kebangsaan seramai 55,272 orang. Mengikut penilaian *United Nations International Drug Control Program*, pada tahun 1999, seramai 36,284 orang penagih dadah telah dikenal pasti di Malaysia. Daripada bilangan ini 52.2 % adalah penagih yang menagih semula iaitu seramai 18,942 orang. Manakala seramai 17,342 orang telah ditangkap buat kali pertama bersabit dengan penagihan dadah iaitu dengan 47.8%. Ertinya pengulangan tingkah laku penagihan merangkumi bahagian besar dan meruncing dalam permasalahan penagihan dadah di Malaysia. Persoalan yang terlintas dalam fikiran daripada perangkaan tersebut ialah bagaimana keadaan ini boleh berlaku? Dengan itu, satu persoalan yang menjadi tumpuan kepada kajian ini ialah mengapa individu sedia maklum tentang kesan bahaya dadah dan masih lagi ingin terjerumus dalam perangkap dadah. Ini masih menjadi satu soalan terbuka yang masih diterokai untuk memenuhi ruang jawapan masyarakat sama ada dari segi epidemiologi yang nyata atau perdebatan aspek sosiopsikologi masyarakat itu sendiri. Namun, teori Psikologi

Individu merupakan salah suatu panduan yang dapat menerangkan tingkah laku penagih dadah.

Di negara kita Malaysia, masih lagi kekurangan penyelidikan yang mengkaji tentang tingkah laku penagihan dadah dengan melihat sudut psikologi dalam (*depth psychology*) penagih. Kemungkinan besar program dan latihan terhadap usaha pencegahan dan pemulihan yang dilaksanakan memerlukan perubahan atau reformasi yang mendadak supaya dapat membendung masalah penagihan dadah di Malaysia. Perlaksanaan program dari usaha kerajaan kini lebih tumpu kepada penyelidikan kaedah epidemiologi dan kurang memberi perhatian terhadap penyelidikan yang berbentuk kualitatif sebagai sokongan untuk memperkuatkan lagi kejituhan keputusan dari kajian yang dilaksanakan. Penggunaan teori baru perlu sentiasa diberi penekanan secara kreatif dan optimis demi mengaplikasikan ke dalam usaha kerajaan. Justeru itu, teori Psikologi Individu digunakan untuk melihat aspek psikologi dalam individu yang banyak terbukti dalam penulisan terhadap tingkah laku. Oleh yang demikian, kajian ini mengambil langkah baru untuk memberi impak kepada penyelidikan tentang tingkah laku penagihan dadah supaya lebih objektif dan membina dengan menggunakan teori Psikologi Individu sebagai panduan.

Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini adalah untuk melihat dan memahami tingkah laku penagih dadah dengan berpandukan teori Psikologi Individu.